

Pelan pulih kedudukan fiskal negara lancar



➔ Kerajaan yakin mampu stabilkan semula kedudukan kewangan

Oleh **Suhaila Shahrul Annuar**
bhbiz@nstp.com.my

Kementerian Kewangan menegaskan, laporan Nomura Global Research bahawa defisit fiskal negara bagi 2018 akan merosot dari 3.7 peratus kepada 3.9 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah tidak benar.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata ia berikutan pelan pemulihan kedudukan fiskal negara dalam tempoh tiga tahun yang sedang dilakukan kini berjalan lancar tanpa sebarang gangguan.

Beliau berkata, kerajaan amat yakin mampu mencapai defisit fiskal sebanyak 3.7 peratus daripada KDNK bagi 2018 dan 3.4 peratus daripada KDNK pada tahun ini.

“Sehingga sekarang, pelan pemulihan tiga tahun ini berjalan lancar dan sekiranya berterusan, maka ini akan membo-

lehkan kita memulihkan semula kedudukan kewangan negara.

“Jadi apa yang dilaporkan Nomura Global Research bahawa defisit fiskal negara bagi 2018 akan merosot kepada 3.9 peratus daripada KDNK adalah sama sekali tidak benar,” katanya pada sidang media di Putrajaya, semalam.

Nomura Global Research melaporkan defisit fiskal negara bagi 2018 akan merosot dari 3.7 peratus kepada 3.9 peratus, manakala bagi tahun ini adalah 3.7 peratus daripada KDNK.

Yakin capai sasaran

Selain itu, Guan Eng berkata, pendedahan Nomura Global Research itu adalah tidak benar, mengambil kira kutipan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang melebihi 34 peratus daripada anggaran asal kerajaan bagi dua bulan pertama kutipan dijalankan.

“Anggaran yang dibuat Kementerian Kewangan adalah

RM4 bilion untuk dua bulan terakhir kutipan bermula November dan Disember tetapi ia meningkat sebanyak 34 peratus iaitu sebanyak RM5.4 bilion. Ini sekali gus memberi keyakinan bahawa sasaran dan matlamat kewangan yang sudah ditetapkan kerajaan akan dapat dicapai,” katanya.

Beliau berkata, pelbagai insiatif penstrukturan semula yang diumumkan kerajaan sedang dilaksanakan termasuk penggunaan belanjawan berasaskan sifar untuk meningkatkan kecekapan perbelanjaan kerajaan tahun ini yang akan memberi kesan segera.

Konsep tender terbuka

“Pelaksanaan secara komprehensif konsep tender terbuka meliputi semua Kementerian sejak tahun lalu bagi meningkatkan ketelusan dan keberkesanan perbelanjaan kerajaan.

“Migrasi ke perakaunan akruan daripada perakaunan tunai bermula pada 2021 untuk

meningkatkan ketelusan dalam kewangan awam selain pembentukan Jawatankuasa Pembaharuan Cukai dan Jawatankuasa Kewangan Awam untuk mempelbagaikan hasil kerajaan di samping meneruskan penguatkuasaan fiskal tanpa mengurangi pertumbuhan.

“Lebih banyak langkah yang akan memulihkan kedudukan fiskal negara akan diumumkan pada 2020 nanti. Semua perkembangan ini diyakini dapat meyakinkan agensi penarafan kredit iaitu Fitch Ratings, Moody’s dan S&P bahawa keputusan mereka untuk mengekalkan profil kredit Malaysia adalah tepat sekali,” katanya.

Mengulas berhubung kebimbangan Nomura Global Research bahawa kejatuhan harga minyak mentah dunia akan memberi kesan negatif kepada kedudukan kewangan negara, Guan Eng berkata, Malaysia kini tidak bergantung sepenuhnya kepada pendapatan daripada hasil petroleum.



Anggaran yang dibuat Kementerian Kewangan adalah RM4 bilion untuk dua bulan terakhir kutipan bermula November dan Disember tetapi ia meningkat sebanyak 34 peratus iaitu sebanyak RM5.4 bilion. Ini sekali gus memberi keyakinan bahawa sasaran dan matlamat kewangan yang sudah ditetapkan kerajaan akan dapat dicapai”

Lim Guan Eng,
Menteri Kewangan